

Polis ambil keterangan Muhyiddin kes fatwa haram

Kuala Lumpur: Polis akan mengambil keterangan daripada bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berhubung ucapannya yang dikatakan membabitkan 'fatwa' haram mengundi calon Pakatan Harapan, Suhaizan Kayat.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain, berkata, polis sudah membuka kertas siasatan selepas dua laporan polis dibuat.

Katanya, siasatan berkaitan kenyataan Pengerusi Perikatan Nasional itu ketika kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Pulaui, di Kempas, Johor, Sabtu lalu.

"Kita akan memanggil Tan Sri Muhyiddin dalam masa terdekat bagi melengkapkan siasatan kes berkenaan," katanya semalam.

Mohd Shuhaily tidak memberikan butiran terperinci sama ada Ahli Parlimen Pagoh itu sudah menyatakan persetujuan untuk proses rakaman percakapan atau sebaliknya.

Sabtu lalu, Ahli Parlimen Pagoh itu ketika dalam Ceramah Perdana di Dataran Utama Kempas di Johor Bahru, didakwa mengeluarkan kenyataan bahawa 'haram memberikan undi kepada Suhaizan'.

PRK bagi kerusi Parlimen Pulaui dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Simpang Jeram diadakan berikutan kematian penyandanganya, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, pada 23 Julai lalu.

Kelmarin, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay, menyatakan ada laporan polis dibuat berhubung ucapan Muhyiddin.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan kerana mengeluarkan kenyataan yang menimbulkan ketakutan dan kegenteran awam serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1999.